

Dagangan Malaysia cerah di 6 negara Amerika Selatan

PETALING JAYA 20 Okt. — Malaysia telah mengenalpasti enam buah negara di Amerika Selatan yang berpotensi dalam usaha untuk memperkukuh dan memperluaskan hubungan dagangan dan ekonomi negara pada masa akan datang.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, negara-negara yang telah diberi keutamaan dalam menjayakan usaha tersebut ialah Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru dan Venezuela.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan seminar 'Ulang Tahun ke-500 Penemuan Eropah dan Amerika: Implikasinya Kepada Malaysia' anjuran Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomat di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini hari ini.



AHMAD SARJI

Lapan duta asing yang berkhidmat di negara ini iaitu dari Argentina, Brazil, Chile, Itali, Mexico, Peru, Sepanyol dan Venezuela diundang khas untuk menyampaikan ucapan masing-masing pada seminar tersebut.

Ahmad Sarji berkata,

langkah itu juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia, salah sebuah negara pembekal utama barang-barang mentah di kalangan negara-negara industri.

"Malaysia kini berkembang pesat dalam bidang eksport. Pada tahun 1991, Malaysia berada di tangga ke-24 di kalangan negara-negara pengeksport utama dunia," ujarnya.

Beliau menambah, pada tahun 1985, nilai dagangan Malaysia dengan enam buah negara berkenaan hanya 0.6 peratus dan terus meningkat kepada 1.03 peratus atau \$2,015 bilion pada tahun 1991.

"Pada waktu yang sama, import dari negara-negara tersebut juga turut bertambah iaitu dari \$676.3 bilion pada tahun 1988 kepada \$1,252.1 bilion," katanya.

Ahmad Sarji menambah,

memandangkan negara-negara Amerika Selatan mempunyai bilangan penduduk seramai 400 juta orang, ia merupakan pasaran yang berpotensi bagi Malaysia memperluaskan dagangannya ke negara-negara tersebut.

Menurutnya, ekoran kunjungan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bersama ahli-ahli perniagaan Malaysia ke negara-negara Amerika Latin baru-baru ini, diharapkan akan dapat membuka era baru dalam memperluaskan dagangan negara di pasaran Amerika Selatan.

Bagi mempercepatkan proses tersebut, katanya, Malaysia dan negara-negara Amerika Latin hendaklah terus mengadakan dialog dan hubungan dua hala serta kerjasama di peringkat antarabangsa.